

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PM arah adakan kursus vokasional pelajar undang2

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengarahkan supaya diadakan satu kursus vokasional di sini bagi pelajar-pelajar jurusan undang-undang Malaysia dalam masa dua tahun lagi.

Arahan berkenaan dikeluarkan berikutan perbincangan antara Majlis Peguam Malaysia, Kesatuan Penuntut-penuntut undang-undang Malaysia di United Kingdom dan Eire dan Universiti Malaya mengenai nasib para pelajar undang-undang Malaysia di England yang terlibat dengan syarat pendaftaran sebagai peguam di sana.

Ini disahkan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Suhaimi Haji Kamaruddin, yang mempengerusikan perbincangan antara ketiga-tiga pihak berkenaan.

Menurutnya, beliau telah menyampaikan hasil perbincangan itu kepada Perdana Menteri.

"Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian mengarahkan supaya diadakan kursus vokasional selewat-

lewatnya dalam masa dua tahun lagi," katanya.

Datuk Haji Suhaimi sendiri akan menyelaraskan segala usaha di dalam persiapan mengadakan kursus berkenaan.

Kursus setahun itu akan dianjurkan bersama oleh Majlis Peguam Malaysia dan Universiti Malaya.

Kursus berkenaan akan menyediakan latihan profesional kepada para pemegang ijazah undang-undang bagi memudahkan mereka didaftar sebagai peguam.

Keperluan mengadakan kursus seumpama itu di sini menjadi bertambah mendesak berikutan dengan peraturan baru pihak berkuasa di England yang diumumkan Oktober lalu.

Peraturan berkenaan mewajibkan mensyaratkan pelajar undang-undang Malaysia yang tamat pengajiannya tahun depan dan seterusnya mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Kepujian Kelas Kedua sebelum dibenarkan menduduki peperiksaan bagi membolehkan seseorang itu didaftar sebagai peguam.